

Newspaper	Berita Harian
Date	4 March 2016

# Muhyiddin rujuk ROS, tak sertai Dr M

BH - 4/3/2016

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang digantung daripada jawatan Timbalan Presiden UMNO tidak menyertai Tun Dr Mahathir Mohamad keluar daripada UMNO.

Bagaimanapun, Muhyiddin mahu merujuk penggantian jawatannya kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Beliau mendakwa mahu terus bersama UMNO kerana mahu membetulkan parti dari dalam.

"Saya tidak ada 'locus standi' (tiada hak) untuk menegur UMNO sekiranya saya keluar dari UMNO. Namun, saya akan terus bersuara, malah lebih lantang," katanya pada sidang media semalam.

Sidang media itu adalah yang pertama selepas Majlis Tertinggi (MT) UMNO menggantung jawatan beliau sebagai Timbalan Presiden UMNO pada Jumaat lalu.

Sehari selepas pengantungan itu, Muhyiddin menyatakan MT tidak mengikut prosedur tata tertib kerana tidak diberikan surat tunjuk sebab dan tempoh masa membela diri, se-



Muhyiddin pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir, isterinya, Puan Sri Norainee Abd Rahman; Mohd Shafie dan Mukhriz. (FOTO KHAIRULL AZRY BININ/BH)

lain tidak dihadapkan ke Lembaga Disiplin untuk membolehkan lembaga membuat perubahan kepada MT.

**Dakwa masih ada sokongan**  
Pada sidang media itu Muhyiddin juga mendakwa beliau masih

ada sokongan dalam parti, terutama generasi muda dan tidak perlu keluar parti.

Muhyiddin juga menyangkal dakwaan beliau mewujudkan konspirasi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sebaliknya tindakan mene-

gur Presiden UMNO itu kerana sayangkan parti.

Sementara itu, Naib Presiden, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir mengumumkan terus kekal bersama parti.